



**KENYATAAN MEDIA CO-OPBANK PERTAMA
7 DISEMBER 2023**

MILIKI THERMOMIX MENERUSI PEMBIAYAAN DI CBP

1. Orang ramai berpeluang miliki alatan memasak serba pintar, Thermomix® melalui pembiayaan di Co-opbank Pertama (CBP) menerusi kerjasama yang dijalankan CBP dan True Mix Sdn Bhd.
2. Ketua Pegawai Perniagaan CBP, Encik Mohd Rafis Makhtar berkata, penyediaan pakej ini memberi segmentasi pasaran baru CBP yang ingin memiliki Thermomix ini yang secara tidak langsung dapat meningkatkan lagi jumlah pelanggan baharu CBP.
3. “Di pasaran, produk Thermomix® ini dilabel sebagai alat dapur serbaguna yang terkenal di seluruh dunia, termasuk di Malaysia. Ia dikenali kerana keupayaannya yang unik untuk melakukan pelbagai menu masakan dalam satu peranti. Harga Thermomix boleh dianggap tinggi dan ini mungkin menjadi faktor pertimbangan untuk sesetengah individu.
4. “Dengan adanya pakej ini, pelanggan dapat memiliki Thermomix® dengan bayaran bulanan yang sangat rendah kerana CBP menawarkan pakej yang bersesuaian dengan kehendak pelanggan,”katanya menerusi satu kenyataan.
4. Tambahnya lagi, kolaborasi bersama ini akan membantu CBP dalam meningkatkan lagi keterlihatan jenama CBP di mana Thermomix® akan mengadakan demonstrasi penggunaan peranti ini di setiap aktiviti pemasaran CBP.
5. Terdahulu, CBP telah menandatangani satu perjanjian persefahaman (MOU) bersama True Mix Sdn Bhd dalam satu majlis yang diadakan di Kuala Lumpur yang ditandatangani oleh Encik Mohd Rafis dan Puan Jenny Ooi dari True Mix Sdn Bhd.
6. Sementara itu, Puan Jenny berkata, pihaknya amat berbesar hati dapat bekerjasama dengan CBP yang merupakan salah satu institusi perbankan yang semakin mendapat tempat dalam kalangan masyarakat di Malaysia.

7. “Kami percaya dengan adanya kolaborasi dengan CBP, pembiayaan Thermomix® serendah RM3 sehari. Ini akan membolehkan lebih ramai lagi isi rumah untuk mampu memasak dengan lebih mudah dan memupuk tabiat pemakanan yang lebih sihat,”katanya.

-TERIMA KASIH-

Mengenai Co-opbank Pertama

Co-opbank Pertama (CBP) telah ditubuhkan pada 7 Jun 1950. Pada September 2014, CBP telah diiktiraf oleh Suruhanjaya Koperasi Malaysia dan Bank Negara Malaysia sebagai sebuah co-opbank. CBP mempunyai 31 buah cawangan termasuk outlet di seluruh negara termasuk Sabah dan Sarawak. CBP menawarkan pelbagai produk perbankan patuh Syariah termasuk perkhidmatan Ar-Rahnu. Untuk maklumat lanjut, sila layari www.cbp.com.my.

Untuk maklumat lanjut, sila hubungi

Jabatan Komunikasi Korporat

ukk@cbp.com.my